

NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



EDISI

MEI 2025

eISSN : 3093-6543


‘TOGETHER FOR A GREENER FUTURE PROGRAMME’

Dr. Sutina Junos

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau,
71300 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

‘Together for a Greener Future Programme’ merupakan sebuah program di bawah inisiatif SULAM projek universiti iaitu Service Learning Malaysia-University for Society bagi kursus Environmental Economics (ECO646). Program ini adalah program tanggungjawab sosial universiti dan khidmat masyarakat yang telah dianjurkan oleh pelajar – pelajar iCEPS Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Ekonomi Perniagaan (BA250) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban bagi semester Mac – Ogos 2024. Program ini telah diadakan pada 29 Jun 2024, bertempat di Kampung Orang Asli Air Lerek, Johol, Negeri Sembilan dengan kerjasama SWCORP dan FAMA Negeri Sembilan, serta Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan pemahaman komuniti Orang Asli mengenai amalan kitar semula dari segi jenis barangan yang boleh dikitar semula, langkah pengumpulan, pemprosesan, dan penjualan bahan kitar semula yang boleh menjana sumber pendapatan tambahan mereka. Ianya juga dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar dalam kalangan komuniti tersebut. Selain itu, program ini turut memberi perkongsian dari segi strategi dan langkah-langkah yang perlu diambil dalam penjualan hasil pertanian di pasar kelolaan FAMA. Sumber pertanian merupakan sumber pendapatan utama penduduk Orang Asli dan melalui penjualan hasil pertanian seperti buah-buahan, sayur-sayuran, dan tanaman komersial, hal ini dapat memberikan pendapatan tambahan dan secara tidak langsung meningkatkan taraf hidup serta membantu mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan komuniti Orang Asli.



Gambar 1 : Poster Program

Sekalung penghargaan telah diberikan kepada Yang Berbahagia Dato’ Haji Saiful Yazan Sulaiman, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johol Negeri Sembilan kerana telah sudi merasmikan program ini dan Encik Idris Bin Govindarasu, Pengerusi JPKKOA Kampung orang Asli Air Lerek kerana memberikan kerjasama yang terbaik kepada penganjur dari segi penyediaan tempat program.



Gambar 2: Sesi Perasmian Program

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program ini bersama komuniti Orang Asli, merangkumi pertandingan mewarna kanak – kanak, taklimat mengenai Program Kitar Semula yang telah disampaikan oleh Puan Areda Binti Sidik daripada SWCorp, taklimat mengenai proses penjualan barangan pertanian di pasar pagi yang disampaikan oleh Encik Darwin Ganasagaran daripada FAMA Negeri Sembilan, sesi cabutan bertuah dan aktiviti gotong-royong melibatkan pembersihan kawasan balai raya dan kawasan rekreasi kampung. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 30 orang kanak-kanak dan 100 orang dewasa daripada komuniti Orang Asli.



Gambar 3 : Pertandingan Mewarna Kanak - Kanak



Gambar 4 : Sesi taklimat oleh penceramah, aktiviti gotong-royong, penyampaian hadiah cabutan bertuah dan pertandingan mewarna

Secara keseluruhan, program ini telah berjaya mencapai objektif penganjurannya dan membina jaringan kerjasama antara organisasi bukan kerajaan, sektor swasta, dan agensi kerajaan. Kolaborasi ini memainkan peranan penting dalam usaha mencapai matlamat jangka panjang, khususnya dalam aspek kelestarian alam sekitar dan peningkatan kualiti hidup masyarakat dalam komuniti Orang Asli.



Gambar 5: Gambar peserta bersama penceramah dan penganjur